

---

# **BAB SATU**

---

---

# **KONSEP PELABURAN DALAM EKONOMI KONVENTSIONAL DAN ISLAM**

---

## **1.1 PENDAHULUAN**

Pelaburan merupakan satu bentuk mendapatkan keuntungan pada masa hadapan dengan mengorbankan penggunaan pada masa ini. Ia bertujuan untuk mendapatkan keuntungan yang tinggi ke atas barang atau perkhidmatan yang lebih baik pada masa depan berbanding sekarang. Bab ini akan membincangkan pelaburan mengikut perspektif Konvensional dan Islam.

## **1.2 PELABURAN MENGIKUT PERSPEKTIF KONVENTIONAL**

Pelaburan mengikut Kamus Ekonomi ialah perbelanjaan terhadap barang yang digunakan untuk menghasilkan barang lain. Pelaburan akan menambahkan stok modal. Pelaburan kasar merujuk kepada jumlah perbelanjaan untuk barang modal baru, manakala pelaburan bersih merujuk ke atas pertambahan barang modal yang dihasilkan melebihi barang modal yang perlu digantikan.<sup>1</sup> Ia merupakan salah satu komponen dalam pengiraan pendapatan negara,  $Y = C + I + G + X$ , di mana  $I$  mewakili pelaburan. Ia meliputi pelaburan samada oleh pihak kerajaan atau swasta.

Mengikut Frank K. Reilly<sup>2</sup> pelaburan ditakrifkan sebagai penyerahan dana yang ada sekarang untuk sesuatu tempoh masa untuk mendapatkan aliran dana masa hadapan yang akan memberikan ganjaran kepada kita yang melabur kerana tempoh modal itu disebabkan pengawasan ketika kadar inflasi terjangka dan untuk ketidakpastian aliran dana masa hadapan. Ia dilaburkan untuk sesuatu usaha niaga atau sebagainya dengan harapan akan mendapat keuntungan yang berlipat ganda.

---

<sup>1</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Ekonomi*, Kuala Lumpur : DBP, 1993, m.s. 186.

<sup>2</sup> Frank K. Reilly, *Investment*, CBS College Publishing : The Dryden Press, 1982, m.s. 7.; Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : DBP, 2000, m.s. 741.

Pelaburan melibatkan pembelian apa jua aset atau harta samada aset hakiki, yang boleh dinilai secara fizikal atau aset berbentuk kewangan yang berbentuk nota atau dokumen yang secara fizikalnya tidak dapat memberitahu nilainya seperti sijil-sijil saham dan akaun simpanan yang menawarkan jangkaan pendapatan atau keuntungan modal atau kedua-duanya sekali.<sup>3</sup> Walaubagaimanapun, pelaburan berbentuk aset hakiki sukar mendapatkan kecairan. Ini kerana beberapa sebab :

1. Aset ini tidak mempunyai pasaran rasmi yang menguruskan proses jual-belinya. Proses jual beli sukar untuk berlaku pada masa yang singkat berbanding dengan aset kewangan yang mempunyai saluran rasmi untuk mendapatkan kecairan dengan cepat.
2. Kepenggunaan yang terhad terhadap aset ini juga menyukarkan mendapatkan kecairan. Contohnya peti sejuk hanya boleh digunakan untuk menyimpan makanan sahaja. Jika dibandingkan dengan aset kewangan yang boleh digunakan untuk pelbagai kegunaan seperti membayar hutang atau sebagai cagaran.

Mengikut Keynes, pelaburan sama dengan tabungan kerana kedua-duanya merupakan lebihan pendapatan daripada perbelanjaan. Jumlah nilai antara kuantiti tabungan dan kuantiti pelaburan timbul antara transaksi 2 pihak dan keputusan untuk mengguna adalah merupakan pelaburan yang menentukan pendapatan.<sup>4</sup> Malah keadaan keseimbangan jangka pendek akan wujud jika terdapat persamaan di antara kehendak untuk menyimpan dengan kadar pelaburan. Atau dengan kata

---

<sup>3</sup> Rosalan Haji Ali , *Pelaburan, Penilaian dan Penerapan*, Kuala Lumpur : DBP, 1993, m. s. 3.

<sup>4</sup> John Maynard Keynes, *The General Theory of Employment, Investment and Money*, London : Macmillan & Co. Ltd., 1960, m.s. 61-64.

lain, tabungan sama dengan pelaburan ( $S=I$ ).<sup>5</sup> Ini bermakna jika tabungan meningkat maka pelaburan juga meningkat dan begitu juga sebaliknya. Oleh itu, secara konsepnya, tabungan merupakan saluran kepada pelaburan, tetapi daripada segi amalan, tabungan itu sendiri adalah merupakan satu pelaburan.

Di dalam menjangkakan pulangan ke atas pelaburan yang tinggi pada masa depan, ia dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya ialah peluang-peluang pelaburan itu sendiri yang wujud dalam ekonomi dalam jangka masa panjang seperti pertumbuhan gunatenaga dan produktiviti, faktor ketegangan dan kelegaan pasaran modal<sup>6</sup>, kadar inflasi terjangka<sup>7</sup> serta premium risiko<sup>8</sup> yang ditentukan oleh pelbagai ketidakpastian. Daripada faktor-faktor ini, pelaburan boleh dibahagikan kepada dua keadaan, iaitu pelaburan autonomi dan pelaburan terpengaruh. Pelaburan autonomi ialah pelaburan yang tidak dipengaruhi oleh keadaan ekonomi, paras pendapatan negara atau penggunaan.<sup>9</sup> Pelaburan terpengaruh atau pelaburan teraruh pula ialah pelaburan yang bertambah akibat daripada perubahan pendapatan negara. Faktor yang menyebabkan berlakunya pelaburan teraruh ialah antaranya laba pendapatan dan pertumbuhan penduduk mengakibatkan permintaan yang lebih besar terhadap barang dan perkhidmatan. Pelaburan ini berbeza daripada pelaburan autonomi yang disebabkan oleh faktor

---

<sup>5</sup> Axel Leijonhufvud, *On Keynesian Economics And The Economics Of Keynes*, New York : Oxford University Press, 1968, m.s. 61.

<sup>6</sup> Merupakan ketegangan dan kelegaan jangka pendek yang dipengaruhi oleh perubahan di dalam penawaran dan permintaan aliran pendapatan atau modal masa depan. Ketiadaan keselarasan di antara permintaan dan penawaran akan menyebabkan pelaburan yang dibuat tidak menentu.

<sup>7</sup> Jika paras harga naik semasa tempoh pelaburan, maka kadar pulangan yang dikehendaki juga akan naik kerana ia dipengaruhi oleh kadar inflasi.

<sup>8</sup> Di antara yang utama ialah risiko perniagaan yang disebabkan oleh ketidakpastian aliran pendapatan kerana sifat perniagaan, risiko kewangan yang disebabkan oleh ketidakpastian di dalam cara membiayai pelaburan serta risiko mudah tunai yang tidak pasti di pasaran kedua pelaburan.

<sup>9</sup> Kamus Ekonomi, *op cit.*, m. s. 187.

bukan pendapatan.<sup>10</sup> Maka ini menunjukkan bahawa pelaburan mempunyai sifat yang sangat mudah berubah. Oleh kerana itu, mengikut Ben Branch, pelaburan melibatkan 3 proses berasingan tetapi saling berkaitan iaitu pemilihan, perlaksanaan dan jangka masa.<sup>11</sup> Walaupun begitu, secara amnya ia merupakan perbelanjaan bagi mendapatkan ganjaran yang lebih pada masa depan terhadap barang dan perkhidmatan.

### **1.3 PELABURAN DALAM SISTEM PERBANKAN KONVENTSIONAL**

Pelaburan dalam sistem ekonomi Konvensional boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu pelaburan hutang, pelaburan ekuiti, pelaburan aset hakiki, pelaburan pasaran hadapan dan pelaburan kutipan bahan.<sup>12</sup> Namun dalam konteks sistem perbankan, perbincangan hanya tertumpu kepada dua kategori pelaburan sahaja iaitu pelaburan hutang dan pelaburan ekuiti.

#### **1.3.1 Pelaburan Hutang**

Pelaburan hutang ialah pelaburan yang berbentuk pulangan tetap kerana institusi tersebut memberi jaminan untuk membuat pembayaran secara tetap kepada pelaburnya.<sup>13</sup> Di antara bentuk-bentuk pelaburan hutang yang ada ialah akaun tabungan, simpanan tetap, bil perpendaharaan,<sup>14</sup> kertas dagangan,

---

<sup>10</sup> *Ibid.*, m.s. 186.

<sup>11</sup> Ben Branch, *Investment : Principles and Practices*, TTP : Longman Singapore Publisher (Ptd.) Ltd., 1989, m.s. 6.

<sup>12</sup> Penyimpanan barang kerana mempunyai nilai sejarah, ekonomi atau seni seperti syiling dan setem.

<sup>13</sup> Rosalan Haji Ali, *op cit.*, m.s. 6.

<sup>14</sup> Merupakan bon jangka pendek yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk meminjam daripada bank perdagangan atau orang perseorangan bagi memenuhi keperluan kewangan pada masa tertentu.

bon,<sup>15</sup> sijil simpanan premium, sijil simpanan boleh niaga<sup>16</sup> dan insurans nyawa.

**a. Akaun Tabungan**

Pelaburan ini ditawarkan oleh bank perdagangan, syarikat kewangan, bank koperasi dan bank pertanian yang tertakluk kepada Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (pindaan). Ia merupakan pelaburan paling selamat kerana dijamin oleh kerajaan. Pihak bank akan menetapkan dahulu peratus yang akan dibayar kepada penyimpan sebagai pemberi hutang. Akaun ini tiada tempoh kematangan dan hanya akan luput dengan penutupan akaun oleh penyimpan atau penyimpannya meninggal dunia atau berlaku perkara yang boleh menamatkan kontrak seperti penyimpan diistiharkan muflis. Akaun ini dianggap paling mudah cair kerana wang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa dan di mana-mana cawangan.<sup>17</sup> Tujuan utama simpanan jenis ini adalah untuk berjaga-jaga. Melabur pula adalah matlamat yang kedua. Bank akan melaburkan deposit kepada pihak lain atau membeli sijil-sijil dan keuntungan akan dibahagikan di antara bank dan pendeposit secara pro-rata.<sup>18</sup>

**b. Simpanan Tetap**

Pelaburan ini disediakan oleh bank dan syarikat kewangan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (pindaan). Ia sama dengan

---

<sup>15</sup> Surat tuntutan yang dikeluarkan oleh kerajaan atau perbadanan yang menjanjikan bayaran pokok dan bunga pada kadar tertentu pada suatu tarikh yang ditetapkan.

<sup>16</sup> Sejenis surat pembawa yang mengesahkan bahawa wang telah disimpan di dalam deposit pihak pengeluar untuk tempoh tertentu dengan kadar faedah yang ditetapkan.

<sup>17</sup> Rosalan Haji Ali, *op cit.*, m.s. 7.; Frank K. Reilly, *op. cit.*, m.s. 26.

<sup>18</sup> Khurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*, Jeddah : King Abdul Aziz Universiti,

akaun tabungan hanya simpanan tetap mempunyai tempoh matang dan simpanan minimum sebanyak RM5,000. Penyimpan diberikan sijil untuk menebus semula wang pokoknya dan diberikan faedah apabila tamat tempoh matang. Tempoh matang biasanya di antara 3-9 bulan dan faedah ditetapkan terlebih dahulu. Penebusan sebelum tempoh matang akan meluputkan penyimpan daripada menerima faedah kerana gagal memenuhi syarat kematangan. Walaubagaimanapun, pihak bank atau syarikat boleh memberikan faedah ke atas kes-kes yang melibatkan pelaburan yang panjang dan jumlah wang yang besar.<sup>19</sup> Simpanan ini biasanya dibuat oleh ahli-ahli perdagangan yang tidak mempunyai arah tujuan tertentu pelaburan samada kerana kekurangan maklumat atau bertujuan untuk mengelakkan risiko. Maka motif utama simpanan ini adalah pelaburan dan berjaga-jaga hanya tujuan kedua mereka.<sup>20</sup> Ini menunjukkan tujuan utama simpanan ini adalah untuk mendapatkan keuntungan ketika tempoh simpanan itu di mana mereka tidak menggunakan untuk tujuan perniagaan. Deposit ini akan dilaburkan oleh bank kepada pihak-pihak tertentu untuk menjana pendapatan. Pelaburan sedemikian menjadi aktiviti penting bank untuk mendapatkan keuntungan. Keuntungan dibahagikan dengan pendeposit secara pro-rata.

c. **Bil Perpendaharaan**

Merupakan bon jangka pendek yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk meminjam daripada bank perdagangan atau orang perseorangan bagi

---

<sup>19</sup> 1980, m.s. 49.

<sup>20</sup> Rosalan Haji Ali, *op cit.*, m.s. 8.

<sup>20</sup> Khurshid Ahmad, *op cit.*, m.s. 48.

memenuhi keperluan kewangan pada masa tertentu. Ia ditawarkan kepada orang perseorangan, agensi kerajaan dan swasta. Ia mempunyai kadar kecairan yang tinggi kerana disokong penuh oleh kerajaan. Faedah dibayar bergantung kepada tempoh kematangan. Semakin lama tempoh matang, maka faedahnya semakin tinggi, tetapi tidak banyak disertai oleh perseorangan kerana keperluan wang pokok yang besar di antara RM50,000-RM100,000. Oleh itu, pelaburan ini lebih banyak disertai oleh para pelabur institusi seperti KWSP, syarikat insurans dan tabung-tabung amanah.<sup>21</sup>

#### d. Kertas Dagangan

Pelaburan ini ditawarkan oleh syarikat swasta sebagai satu cara untuk mendapatkan modal pembiayaan projek jangka pendek tanpa perlu mencagarkan aset syarikat berkenaan. Kos pembiayaan melalui kertas dagangan adalah lebih rendah daripada pinjaman bank kerana kadar faedah yang dibayar adalah lebih rendah daripada kadar pinjaman atas bank. Ini kerana syarikat menjual kertas dagangan pada harga terdiskaun dan membelinya semula pada tempoh matang dengan harga muka. Kecairan pelaburan ini adalah rendah kerana sekiranya berlaku mungkir janji pemulangan wang, maka ia akan memakan masa yang lama terutama apabila syarikat diistiharkan muflis atau diletakkan di bawah tanggungan.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> Rosalan Haji Ali, *op cit.*, m.s. 8.

**e. Bon**

Ia merupakan surat tuntutan yang dikeluarkan oleh kerajaan atau perbadanan yang menjanjikan bayaran pokok dan bunga pada kadar tertentu pada suatu tarikh yang ditetapkan. Pelaburan ini merupakan satu kontrak di antara syarikat pengeluar dan pelabur dan ia boleh dibahagikan kepada beberapa kategori tertentu seperti bon pihak pengeluar dikenali sebagai bon kerajaan atau bon korporat, bon perlindungan cagaran seperti bon gadai janji dan bon kadar tukaran seperti bon biasa dan bon boleh tukar.<sup>23</sup>

**f. Sijil Simpanan Premium**

Sijil ini ditawarkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) sahaja. Ia sama dengan akaun simpanan tetap di mana pelabur akan diberi sijil untuk ditebus semula apabila sampai tempoh matang. Apa yang berbeza adalah sijil ini tidak diberikan faedah dalam bentuk wang tetapi menawarkan hadiah-hadiah cabutan bulanan melalui nombor-nombor sijilnya selagi sijil berkenaan tidak ditebus. Walaupun tidak mempunyai tempoh kematangan tertentu, pelaburan ini dijamin sepenuhnya pengembalian wang pokok.<sup>24</sup>

**g. Sijil Simpanan Boleh Niaga**

Sijil ini diperkenalkan di Malaysia dengan kelulusan Bank Pusat pada tahun 1979. Pelaburan ini ditawarkan oleh institusi kewangan seperti bank perdagangan dan bank saudagar. Ia merupakan sejenis surat pembawa yang mengesahkan bahawa wang telah disimpan dalam deposit

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, m.s. 9.

<sup>23</sup> *Ibid.*, m.s. 10-12.; Frank K Reilly, *op cit.*, m.s. 27-28

pihak pengeluar untuk tempoh tertentu dengan kadar faedah yang ditetapkan. Sijil ini boleh dipindah milik dan dijual beli di pasaran wang. Penyimpan boleh menebusnya sebelum tempoh matang pada harga diskaun. Oleh kerana mudah dijual beli, pelaburan bentuk ini diminati oleh syarikat dan perbadanan sebagai pelaburan jangka pendek selain faedah yang menarik dan tidak diminati oleh pelabur individu kerana keperluan deposit yang tinggi mencecah RM50,000.<sup>25</sup>

#### **h. Insuran Nyawa**

Pelaburan melalui insuran nyawa memberikan perlindungan kepada waris pencarum apabila pencarum meninggal dunia atau mengalami kecederaan yang boleh menjaskannya pendapatannya.<sup>26</sup> Pencarum dikehendaki membayar premium dan menyatakan jumlah nilai yang akan diinsurangkan.

#### **1.3.2 Pelaburan Ekuiti**

Pelaburan ekuiti merujuk kepada pemilikan saham di mana para pelabur memiliki kepentingan bersama di dalam syarikat yang dilaburi. Tanggungan mereka hanya terhad kepada jumlah sumbangan mereka di dalam syarikat berkenaan. Pelaburan ini mempunyai tiga bentuk iaitu pelaburan secara langsung, pelaburan secara perantaraan dan pelaburan berkoperasi.

<sup>24</sup> *Ibid.*, m.s. 12

<sup>25</sup> *Ibid.*, m.s. 15.

<sup>26</sup> Ben Branch, *op cit.*, m.s. 685-687.

**a. Pelaburan Secara Langsung**

Pelaburan ini dikenali sebagai pelaburan awam dan para pelabur dikenali sebagai pemegang saham. Para pelabur berkongsi secara langsung di dalam syarikat yang sahamnya disenaraikan di bursa saham samada keuntungan atau kerugian kerana keuntungan yang diperolehi di dalam bentuk dividen bergantung kepada keuntungan bersih yang diperolehi. Pelaburan ini boleh dilaksanakan dengan membeli saham-saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

**b. Pelaburan Secara Perantaraan**

Pelaburan ini dikenali sebagai pelaburan amanah dan para pelabur sebagai pemegang unit. Para pelabur berkongsi secara tidak langsung di dalam pelbagai syarikat samada yang disenaraikan di bursa saham atau tidak. Segala keuntungan atau kerugian adalah dikongsi bersama. Mereka melantik pengurus-pengurus tabung yang menguruskan pelaburan mereka di dalam pelbagai syarikat berkenaan. Pelaburan ini boleh disertai dengan membeli saham amanah yang diuruskan oleh tabung-tabung amanah seperti Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Mara.

**c. Pelaburan Secara Koperasi**

Pelaburan ini disertai oleh ahli koperasi sebagai pemegang saham dan mereka berkongsi bersama di dalam sebarang perniagaan koperasi samada untung atau rugi. Dasar koperasi ialah memelihara kepentingan ahli-ahlinya di samping untuk mendapatkan keuntungan koperasi. Ia ditubuhkan di bawah Akta Koperasi, berbeza dengan dua bentuk

pelaburan di atas yang tertakluk di bawah Akta Syarikat. Selain itu, saham koperasi ini tidak disebut harga secara terbuka di mana harga sahamnya kekal pada harga par dan segala urusan jual beli ditentukan dengan persetujuan ahli yang menjual dan membeli sahaja.

Maka daripada keterangan ini, maka ciri-ciri pelaburan dalam ekonomi Konvensional boleh disenaraikan seperti berikut :<sup>27</sup>

1. Pelaburan Konvensional mempunyai kecairan yang berbeza-beza bergantung kepada jenis pelaburan yang dibuat. Pelaburan mempunyai kecairan yang tinggi jika boleh dijual atau diambil tanpa ada perubahan harga yang besar berlaku berbanding dengan harga asalnya. Oleh itu seseorang yang melabur perlu mempelbagaikan portfolionya merangkumi sekuriti mudah cair di samping saham yang tersenarai sebagai satu cara awasan dan perlindungan jika memerlukan tunai dalam tempoh yang singkat.
2. Pelaburannya memerlukan modal samada melalui bentuk ekuiti (sendiri) atau hutang samada daripada bank atau tempat-tempat lain. Di dalam aspek ini, pelabur amat mementingkan agar pelaburan asalnya terjamin dan selamat.
3. Pelaburan dalam sistem Konvensional mengharapkan pulangan. Apabila kecairan pelaburan adalah tinggi, maka keuntungan yang diperolehi juga tinggi. Ini kerana menjadi matlamat pelaburannya untuk mendapatkan

pendapatan terutama bagi pelaburan yang berisiko rendah seperti akaun tabungan yang menawarkan faedah tetap.

4. Pelaburannya adalah terdedah kepada risiko ketidakpastian akan pulangan kerana faktor-faktor seperti pertumbuhan dan jenis perniagaan. Walaupun begitu, pelaburannya mampu mewujudkan pertumbuhan negara dan memberikan perlindungan inflasi.

#### **1.4 PELABURAN MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM**

Pelaburan di dalam Islam diambil daripada perkataan Arab iaitu *al-Istithmar* di mana asal perkataan ini ialah *al-thamar*. Mengikut Dr. Syed Othman al-Habshi, pelaburan Islam adalah melalui penyertaan ekuiti atau berkongsi keuntungan berdasarkan prinsip *Mudārabah* dan *Musyārakah*.<sup>28</sup> Pelaburan juga boleh dinyatakan sebagai usaha yang dilakukan secara sedar ke atas sumber-sumber pengeluaran dengan tujuan membanyakkan atau membangunkan barang dan perkhidmatan untuk manfaat manusia. Ini adalah bersesuaian dengan firman

Allah :

هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَ كُمْ فِيهَا.....

“Dia telah menjadikan kamu dari tanah dan kamu mesti memakmurkannya.....” Surah Hud (10): 61.

Aktiviti pelaburan ini merupakan salah satu daripada penggunaan atau perbelanjaan harta dengan lebih cekap di mana Allah mengutuk sekeras-kerasnya penyorokan wang atau harta kerana sumber-sumber kurniaan Allah adalah untuk

<sup>27</sup> Azlan Khalili, *Saham dan Pelaburan Yang Perlu Anda Tahu*, Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd., m.s. 42-49.; Ismail Ibrahim, *Pelaburan Pasaran Sekuriti, Hadapan dan Opsyen*, Kuala Lumpur : DBP, 1994, m.s. 46.; Rosalan Hj. Ali, *op cit.*, m.s. 243-245.

<sup>28</sup> Abul Hasan M. Sadeq, *Financing Economic Development and Mainstream Approaches*, Selangor : Longman Malaysia, 1992, m. s. 26.

digunakan bagi faedah diri sendiri (di dalam lingkungan yang dibenarkan oleh Islam) dan juga untuk faedah orang lain. Tindakan membiarkan sumber-sumber tanpa dimanfaatkan dengan penggunaan yang betul samada melalui pelaksanaan amal-amal kebajikan atau melalui pelaksanaan pelaburan-pelaburan berdaya keluaran adalah dikutuk. Allah mengutuk perbuatan membekukan harta ini melalui firmanya:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْقُرُوهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ.

"Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya"

Surah al-Taubah (8) : 34.

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَأَنْتُشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ  
وَلَا ذَكْرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ

"Maka apabila telah menunaikan sembahyang, bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurnia (rezeki) Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak, mudah-mudahan kamu berjaya"

Surah al-Munafiqun (60) :10.

Rasulullah S.A.W. juga telah menegah tindakan yang membiarkan sumber-sumber berdaya keluaran berada di dalam keadaan terbiar. Sabdanya:

مَنْ كَانَتْ لَهُ أَرْضٌ فَلَا يَرْجِرْ عَهَا فَإِنْ لَمْ يَرْجِرْ غَهَا فَلَا يُبَرِّغَهَا أَخَاهُ<sup>29</sup>

"Biarlah orang yang memiliki tanah mengusahakannya sendiri, dan jika ia tidak melaksanakan biarlah ia suruh saudaranya mengusahakannya"

<sup>29</sup> Muslim Ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *Sahīḥ Muslim bi Syarḥ al-Imām Muḥyī al-Dīn al-Nawawī*, Beirut : Dār al-Maṭrīfah, 1994, m.s. 438.; Lihat hadith-hadith lain yang seerti dalam Muḥammad Ibn ‘Isā, *Sunan Tirmidhī*, "Kitāb al-Muzāra‘āt", Bāb al-Muzāra‘āt", no. hadith 1396, juzu' 2, Madinah : Maktabah al-Salafiyyah, t.t., m.s. 421-422.; ‘Abd al-Rahmān Ibn ‘Alī Ibn al-Daybā’ al-Shaybānī, *Taisir al-Wuṣūl ilā Jāmi‘ al-Uṣūl min Ḥadīth al-Rasūl*, j. 4. Kaherah : Muassasah al-Ḥalabī wa Syarikah, 1968, m.s. 228.; Majd al-Dīn al-Mubārak Ibn Muhammād Ibn al-Aṭhīr al-Jazārī, *Jāmi‘ al-Uṣūl fī Aḥādīth al-Rasūl*, j. 11. Beirut : Maktabah al-Ḥilwānī, 1972, m.s. 37.

Di dalam hal ini, Islam telah menetapkan bahawa setiap manusia menjalankan dua peranan serentak iaitu sebagai individu yang bebas dan sebagai anggota masyarakat. Setiap tindakannya perlu dipertimbangkan dengan baik kerana ia akan mempengaruhi peranan yang satu lagi.<sup>30</sup> Oleh itu, walaupun tiada nas yang menyatakan secara langsung keharusan pelaburan di dalam Islam, tetapi dalil-dalil yang ada menunjukkan secara tidak langsung keharusannya. Maka matlamat pelaburan di dalam ekonomi Islam adalah lebih luas yang di antaranya meliputi perkara-perkara berikut :

1. Memperluaskan pemilikan punca pengeluaran kepada orang ramai. Ini kerana pelaburan di dalam Islam berkait rapat dengan pengeluaran yang boleh memperkuuhkan kekuatan ekonomi.
2. Menggalakkan penggunaan punca-punca sumber pengeluaran serta memperluaskan penyertaan mereka di dalam proses pengeluaran. Pelaburan memerlukan akal dan modal untuk memperbaiki kehidupan. Ini sekaligus mempertingkatkan kecekapan penggunaan sumber-sumber pengeluaran. Ini kerana modal di dalam Islam tidak terhad kepada faktor material semata-mata tetapi juga faktor manusia dari segi prestasi dan usaha mereka terhadap sesuatu.
3. Pengagihan hasil yang seimbang kepada masyarakat. Pelaburan tidak semata-mata untuk diri sendiri, tetapi juga untuk orang lain seperti membayar zakat berdasarkan keuntungan atau hasil pelaburan berkenaan. Oleh itu mereka yang tidak melabur juga mempunyai bahagian masing-masing. Ini adalah berbeza dengan pelaburan daripada kacamata Konvensional yang hanya menumpukan

---

<sup>30</sup> Muhammad Qutb, *Islam: The Misunderstood Religion*, Pakistan : Islamic Publications Limited,

kepada keuntungan semata-mata tanpa ada unsur-unsur keagamaan dan kebijakan sosial seluruh peringkat masyarakat.

Daripada matlamat pelaburan ini, terdapat 3 ciri utama pelaburan Islam. Pertama, pelaburannya adalah berdasarkan keperluan dan keselesaan. Pelaburan dibuat dengan perancangan yang rapi dan berhati-hati serta mengikut peraturan Islam. Kedua, pengeluaran daripada sebarang jenis harta adalah tidak digalakkan kerana ia hanya membawa pembaziran. Ketiga, pelaburan adalah berbentuk faedah di dalam pengeluaran barang keperluan dan keselesaan masyarakat. Oleh itu pengeluarannya adalah mengikut tingkat-tingkat keperluan *darūriyyat*,<sup>31</sup> *hājiyyat*<sup>32</sup> dan *tahsīniyyat*.<sup>33</sup>

## 1.5 PELABURAN DALAM SISTEM PERBANKAN ISLAM

Perbankan Islam memainkan peranan penting di dalam menyelesaikan masalah-masalah kewangan dengan memobilisasikan simpanan orang ramai dan melaburkannya ke dalam sektor pembangunan Islam. Oleh itu, tujuan utama perbankan Islam ialah menjadikan konsep *Mudārabah* dan *Musyārakah* digunakan secara aktif.<sup>34</sup>

Namun demikian, perbankan Islam tidak setakat memobilisasikan simpanan, tetapi juga meningkatkan kecekapan penggunaan simpanan,

---

<sup>31</sup> 1972, m.s. 154-155.

<sup>32</sup> Meliputi agama, diri, akal, keturunan dan harta. Tanpa kelima-limanya manusia tidak dapat hidup.

<sup>33</sup> Keperluan yang tidak sampai ke tahap *darūriyyah*. Ia merupakan masalah yang memudahkan kehidupan manusia. Tanpanya hidup manusia tidak terjejas, hanya akan menimbulkan kesusahan.

<sup>34</sup> Merupakan masalah yang melengkapkan kehidupan manusia. Tanpanya hidup manusia tidak menderita.

<sup>34</sup> Muhammad Loqman, "Islamic Banking and Business Law vis-a-vis", *Islam and Development*

mengurangkan tumpuan kepada kekayaan dan juga memberikan sumbangan di dalam menstabilkan harga.<sup>35</sup> Pelaburan di dalam sistem perbankan Islam di Malaysia, merangkumi pasaran wang Islam dan pembiayaan.

Pasaran wang antara bank secara Islam adalah berdasarkan konsep *Mudārabah*. Pulangan daripada pelaburan tidak ditentukan tetapi akan diketahui apabila tempoh pelaburan matang dan diketahui nisbah keuntungan masing-masing. Kewujudan pasaran ini membantu ke arah pengurusan modal tunai yang lebih baik.<sup>36</sup> Pembiayaan pula dibahagikan kepada dua iaitu pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang. Pembiayaan di dalam sistem perbankan Islam terdiri daripada kontrak perkongsian untung dan kontrak pertukaran.

### 1.5.1 Pasaran Wang Islam

Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (PWABI) diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada 3 Januari 1994. Pasaran wang merupakan institusi kewangan yang mengendalikan pembelian, penjualan dan pemindahan kemudahan kredit jangka pendek. Ia wujud untuk menutup ruang di antara mereka yang memerlukan wang dan mereka yang sanggup membekalkan lebihan wang kepada mereka yang mengalami kekurangan. Fungsi utamanya adalah untuk mewujudkan keadaan kecairan yang seimbang dan daripada segi ekonomi, ia berkesan untuk menyeimbangkan kedudukan kecairan mereka. Pasaran wang membolehkan penyaluran dana jangka pendek dan memenuhi

---

*In Asia*, Kuala Lumpur : Institute of Islamic Understanding Malaysia, 1998, m.s. 10 & 24.

<sup>35</sup> M. Umer Chapra, *Towards a Just Monetary System*, Leicester : The Islamic Foundation, 1985, m.s. 173-174.

<sup>36</sup> M.A.Mannan, *Security Market In An Islamic Framework : An Agenda For Action*, Jeddah : TP, 1982, m.s. 5.

keperluan perniagaan kecil untuk mendapatkan modal kerja, pinjaman jangka pendek dan persendirian.<sup>37</sup> Pada tahun pertama operasinya, urusniaga dalam PWABI berjumlah RM2.3 bilion dan meningkat kepada RM9.6 bilion pada tahun 1995.<sup>38</sup> PWABI ini adalah yang pertama di dunia<sup>39</sup> melalui prinsip *Mudārabah* yang merangkumi 3 aspek iaitu:

**a. Urusniaga Dalam Alat-Alat Kewangan Islam Antara Bank**

Bank Negara Malaysia (BNM) dan semua institusi kewangan Islam SPTF dibenarkan berurusniaga di antara mereka dengan alat kewangan Islam. Contoh alat kewangan Islam adalah seperti bil penerimaan secara Islam, sekuriti hutang secara Islam dan Bon *Mudārabah* Cagamas. Di dalam Bon *Mudārabah* Cagamas misalnya, bon dikeluarkan oleh Cagamas untuk membiayai pembelian perumahan melalui prinsip *Mudārabah*.<sup>40</sup> Bank Negara juga mengeluarkan instrumen pelaburan kerajaan pada Januari dan Jun di bawah pasaran ini. Pada Ogos 1995 pula, Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) diterbitlan.<sup>41</sup>

**b. Pelaburan Antara Bank Secara Islam**

Pelaburan ini merujuk kepada satu mekanisme yang melibatkan sebuah bank mempunyai lebihan wang yang boleh dilabur dengan bank-

<sup>37</sup> Syed Othman al-Habshi, *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*, Petaling Jaya : Fajar Bakti, 1989, m.s. 161.; Othman Yong, *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia : Teori dan Amalan*, Kuala Lumpur : DBP, 1993, m.s. 51.

<sup>38</sup> BNM, Laporan Tahunan BNM 1994 & 1995.

<sup>39</sup> Radiah Abdul Kader & Mohamed Ariff, "The Political Economy of Islamic Finance-The Malaysian Experience", dalam Masadul Alam Choudhury et al. (ed.), *Islamic Political Economy In Capitalisme-Globalization : An Agenda for Change*, TTP : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 1997, m.s. 270.

<sup>40</sup> Nor Mohamed Yakcop, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 1996, m.s. 58.

<sup>41</sup> BNM, Laporan Tahunan BNM 1995.

bank yang mengalami defisit atas prinsip *Mudārabah*. Tempoh pelaburan ini adalah daripada semalam sehingga 12 bulan. Jumlah pelaburan yang minimum ialah RM50,000 dan nisbah pembahagian keuntungannya dirundingkan sesama institusi kewangan yang terlibat. Jumlah pelaburan pokoknya dibayar balik pada akhir tempoh pelaburan tersebut bersama-sama bahagian keuntungan hasil daripada penggunaan dana oleh bank penerima.<sup>42</sup>

Jadual 1.1 : Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam 1998-2000.\*

Perkara	1998		1999		2000	
	RM (bilion)	Perubahan (%)	RM (bilion)	Perubahan (%)	RM (bilion)	Perubahan (%)
Jumlah transaksi PWABI	158.1	28.1	435.7	175.6	301.9	-30.7
Jumlah MIV	142	36.9	421.9	197.1	283.6	-32.8

Sumber : BNM Annual Report 2000.

BNM Laporan Tahunan 1999.

\*Jumlah urusniaga melalui broker pasaran wang.

Jadual di atas menunjukkan taburan PWABI dan Pelaburan *Mudārabah* Antara Bank (MIV) untuk tahun 1998 hingga 2000. Daripada jadual didapati pada tahun 1998, jumlah urusniaga di dalam PWABI adalah sebanyak RM158 bilion atau dengan kadar pertumbuhan 28%. Tetapi pada tahun 2000 jumlah urusniaganya menurun negatif 30.7% kepada RM301.9 bilion setelah mengalami peningkatan tahun 1999 sebanyak RM277.6 bilion. Pengurangan ini berikutan daripada pengurangan di dalam MIV sebanyak RM138.3 bilion. Keadaan ini berlaku kerana pada tahun 2000, BNM memberikan tumpuan yang lebih kepada operasi mudah tunai dalam pelaburan yang tempoh matangnya lebih panjang. Ini

---

<sup>42</sup> *Ibid.*

menyebabkan pengurangan bekalan dana dalam pasaran antara bank dan mengurangkan urusniaga pelaburan *Mudārabah* antara bank.

Di dalam tempoh tiga tahun terakhir, jumlah urusniaga harian pasaran wang Islam adalah di antara RM3-RM4 bilion. BNM juga telah menyediakan Pelan Induk Sektor Kewangan yang menggariskan 10 lanskap sektor kewangan bagi tempoh 10 tahun akan datang. Di antara perancangan strategik untuk perbankan dan kewangan Islam adalah membangunkan infrastruktur kewangan untuk mengukuhkan keupayaan beroperasi di dalam keadaan yang lebih kompetitif. Selain itu, membangunkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mewujudkan instrumen yang lebih memenuhi cita rasa serta mengukuhkan pengawalan dan penyeliaan perundangan.<sup>43</sup>

#### c. Sistem Penjelasan Cek Antara Bank Secara Islam

Sistem ini juga berasaskan konsep *Mudārabah* di mana pada setiap 12.00 tengah malam, apabila penjelasan cek dilakukan secara automotik di BNM, maka mana-mana bank perdagangan SPTF termasuk bank Islam yang mengalami defisit akan diseimbangkan oleh bank-bank perdagangan SPTF yang mengalami lebihan berdasarkan konsep di atas. Sekiranya defisit masih berlaku, BNM akan menyeimbangkan kedudukan bank-bank ini di atas konsep yang sama di mana nisbah keuntungannya ialah 70:30, 70 peratus untuk pelabur. Bank-bank yang defisit akan menyeimbangkan kedudukan mereka pada keesokan hari.<sup>44</sup>

## 1.5.2 Pelaburan Pembiayaan

### 1.5.2(a) Pembiayaan Ekuiti

Oleh kerana pembiayaan ini mengikut Konvensional adalah merujuk kepada pemilikan bersama dan tanggungan yang terhad kepada sumbangan masing-masing, maka definisi ini hanya sesuai dengan konsep perkongsian untung dan rugi di dalam Islam. Dengan ini, pembiayaan ekuiti hanya sesuai dengan prinsip *Mudārabah* dan *Musyārakah* yang berasaskan kontrak perkongsian keuntungan (*‘uqūd al-Isytirāk*).<sup>45</sup>

#### (a)i. *Mudārabah*

*Mudārabah* dari segi istilah ialah pergi untuk berdagang dan perkataan ini digunakan dengan meluas di Iraq. Tetapi di kalangan orang-orang Hijaz, ia disebut sebagai *al-Qirād* kerana pemiliknya memotong sebahagian hartanya untuk diperniagakan dan kemudian mendapat sebahagian daripada keuntungan. Mengikut al-Sarakhsī, *Mudārabah* berasal daripada perkataan "*darb*" yang bererti berjalan mencari rezeki. Perjalanan ini dinamakan sebagai *Mudārabah* kerana pengusaha mendapat keuntungan atas usahanya berdagang dan berkongsi keuntungan itu dengan pemodal.<sup>46</sup> Ia juga dinamakan *mu‘āmalah* yang bermaksud akad di antara dua pihak di mana kerjasama dihasilkan dengan harta daripada satu pihak dan usaha serta kemahiran daripada pihak yang lain. Keuntungan di antara kedua-duanya adalah berdasarkan nisbah tertentu dengan syarat yang telah

<sup>43</sup> BNM, *Buletin Suku Tahunan 2001*, j.16, bil. 1.

<sup>44</sup> Nor Mohamed Yakcob, *op. cit.*, m.s. 60.

<sup>45</sup> Surtahman Kastin Hassan & Abdul Ghafar Ismail, "Mudharabah : Justifikasi Keadilan Dan Aplikasinya Dalam Sistem Kewangan Malaysia", *Jurnal Ikim*, j. 8, bil. 1, Januari/Julai 2000, m.s. 103.

<sup>46</sup> Syams al-Dīn al-Sarakhsī, *Kitāb al-Mabsūt*, Juzu' 22, Beirut : Dār al-Ma‘rifah, t.t., m.s. 18.

dipersetujui bersama.<sup>47</sup> Mengikut Imam Malik, pengusaha berhak ke atas keuntungan dengan nilai 1/10 atau 1/3 secara bersyarat iaitu memperolehi keuntungan atas usahanya, manakala pemodal pula berhak ke atas untung berkenaan kerana beliau pemilik sebenar untung itu. Syarat pembahagian keuntungan ini dipersetujui bersama dengan jelas samada secara *cōurf* atau saksi.<sup>48</sup>

Selain itu, *Mudārabah* juga dianggap sebagai sebahagian daripada *Musyārakah* kerana perkongsian untung dan bukan wang. Pendapat lain menyatakan bahawa ia dinamakan *Mudārabah* kerana perkongsian di antara pemilik harta yang menyumbangkan modal dan pengusaha yang menyumbangkan usaha.<sup>49</sup> Daripada segi konsepnya, *Mudārabah* ialah akad ke atas satu jenis perniagaan yang mana modal adalah daripada satu pihak dan usaha daripada pihak lain.<sup>50</sup>

#### (a)ii. Dalil Keharusan *Mudārabah*

##### a. al-Quran

Pada dasarnya tiada ayat al-Quran yang menyatakan secara terus keharusan akad ini. Namun terdapat ulama yang mengharuskannya berdasarkan firman Allah S.A.W.:

<sup>47</sup> *Ibid.*; al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1972, m.s. 202.; ‘Alī al-Khafīf, *al-Syirhak fī al-Fiqh al-Islāmī Buhūth Muqāranah*, TTP : Ma‘ahad al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah al-‘Āliyah, t.t., m.s. 63.; Ibn al-Rusd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtashid*, Juzu’ 2, Mesir : TP, m.s. 236.

<sup>48</sup> Syams al-Dīn al-Sarakhsī, *op. cit.*, m.s. 23.; Lihat juga al-Suyūtī, *Muwatta’ Imām Mālik wa Syarhuhi Tanwīr al-Hawālik*, Juzu’ 2, 1951, Mesir : Syarikah Maktabah Matba‘ah Mustafā al-Thānī al-Ḥalabī wa Awlāduhu, m.s. 88.

<sup>49</sup> ‘Alī al-Khafīf, *op. cit.*, m.s. 85.

<sup>50</sup> Abd al-‘Azīz Sharaf al-Dīn, *‘Aqad al-Mudārabah Bainā al-Syari‘ah wa Qānūn*, t.t., m.s. 9.

وَءَخْرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَنْتَهُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ ...

"... dan yang lainnya orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah..."

Surah al-Muzammil (68) : 20.

Ayat ini digunakan oleh al-Mawardi dan al-Kasani sebagai hujjah keharusan *Mudārabah*. Ayat ini tidak menunjukkan secara langsung tetapi sebagai isyarat keharusannya.<sup>51</sup>

#### b. Sunnah

Keharusan *Mudārabah* juga diakui melalui Sunnah dan hadith Rasulullah. Nabi pernah bersabda yang bermaksud :

"tiga perkara terdapat padanya berkat : jualan kepada satu tempoh masa yang tertentu dan *Muqāradah* (*Mudārabah*) dan percampuran gandum dan barli untuk makanan dan bukan untuk jualan"<sup>52</sup>

Walaupun tiada keterangan langsung daripada al-Quran tentang keharusan akad *Mudārabah*, tetapi hadith di atas menunjukkan secara langsung keharusannya. Bahkan Nabi juga telah menjalankan perniagaan untuk Khadijah r.a. dengan harta yang diberikan oleh Khadijah dan telah bermusafir ke Syam sebelum Rasulullah diutus menjadi rasul. Bahkan urusniaga ini telah diamalkan sejak zaman Jahiliyyah lagi dan diteruskan sehingga ke zaman Nabi tanpa ada pengingkaran daripada baginda. Ini

<sup>51</sup> Muhammad Ṣalah Muḥammad al-Šāwī, *Musykilah al-Istithmār fī al-Bunūk al-Islāmiyyah wa Kaifat Alījāhā al-Islām*, TTP : Dār al-Wafā', t.t., m.s. 28.

<sup>52</sup> Muḥammad bin Yazid al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, "Kitāb al-Tijārat", no. hadith 2289, Juzu' 2, TP, t.t., m.s. 768. Walaubagaimanapun, hadith ini adalah da'if di sisi al-Ālbānī, lihat Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Ālbānī, *Da'īf Sunan Ibn Mājah*, "Kitāb al-Tijārat, Bāb al-Syirkah wa al-Mudārabah", no. hadith 2289, Beirut : Maktabah al-Islāmī, 1988, m.s. 177.

merupakan satu ijma<sup>c</sup> yang diyakini keharusannya.<sup>53</sup> Keharusan akad perkongsian (*al-Syirkah*) adalah menunjukkan keharusan akad *Mudārabah* kerana kedua-duanya adalah berbentuk perkongsian keuntungan.<sup>54</sup>

c. Ijma'

*Mudārabah* amat digalakkan oleh Islam kerana keperluan kepada penyuburan harta dan harta ini tidak subur tanpa diniagakan atau diubah. Malah tidak semua manusia itu sempurna, sesetengahnya ada wang tetapi tiada kemahiran dan begitu juga sebaliknya bagi sesetengah yang lain. Oleh kerana gabungan kedua-duanya akan meningkatkan keperluan kedua-duanya, maka ia harus untuk memenuhi keperluan manusia. Ini bermakna pembiaya akan menerima bahagian untung atau rugi di dalam sesuatu perniagaan.

Mengikut prinsip ini, pembiayaan boleh berlaku samada dalam jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang mengikut tempoh matang yang telah ditetapkan. Manakala pembahagian keuntungan mengikut nisbah yang dipersetujui di dalam perundingan terdahulu di antara pemodal dan pengusaha. Namun, sekiranya berlaku kerugian, pemodal hendaklah menanggung kerugian daripada segi ekuiti modal dan pengusaha hanya menanggung kerugian daripada segi penat lelahnya menjalankan perniagaan tersebut.

<sup>53</sup> Ḥāfiẓ Abū al-Khaṣīf, *op cit.*, m.s. 63.; Muḥammad Ṣalāḥ Muḥammad al-Ṣāwī, *op cit.*, m.s. 26.

<sup>54</sup> Syams al-Dīn al-Sarakhsī, *op cit.*, m.s. 19.

Oleh itu dakwaan yang menyatakan bahawa kadar keuntungan yang diterima daripada bank adalah *Mudārabah* yang dikehendaki adalah tidak diterima. Ini kerana dakwaan itu menunjukkan penghadan keuntungan kepada pemodal di dalam bentuk wang. Ini berbeza dengan *Mudārabah* seperti yang dikehendaki oleh Islam iaitu menjadi syarat mengetahui keuntungan yang diperolehi dan bahagiannya sebagai 1/2 atau 1/4 daripada keuntungan berkenaan. Ini kerana keuntungan itu adalah sesuatu yang tidak diketahui banyaknya secara pasti setiap kali. Maka tidak adil jika keuntungan diambil tetapi tiada tanggungan jika perniagaan musnah atau rugi.<sup>55</sup>

Oleh itu di dalam sistem perbankan Islam, wang deposit yang diterima dengan prinsip *al-Wadi'ah ya al-Damānah* dan *Mudārabah* daripada pelanggan akan digunakan untuk membiayai sesuatu projek. Bank pemberi modal manakala pelanggan menjadi pengusaha, manakala di dalam menerima deposit atau modal, bank menjadi pengusaha (*mudarib*) dan pelanggan sebagai pemberi modal (*sāhib al-māl*). Amalan ini diistilahkan sebagai *Mudārabah* dua pokok (*two-tier Mudārabah*).<sup>56</sup>

#### (b)i. *Musyārakah*

Dari pada segi bahasa, *Musyārakah* bermaksud percampuran salah satu harta dengan harta lain di mana tidak membezakan di antara kedua-duanya. Maknanya daripada segi istilah ialah ia berbeza dengan berbeza jenisnya

<sup>55</sup> Muhammed Şalaḥ Muḥammad al-Şāwī, *op cit.*, m.s. 87-88.; Ramaḍān Ḥāfiẓ al-Suyūṭī, *Fawā'id al-Bunūk wa al-Istithmār wa al-Tauqīr fī Da'i'l' al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah*, Kaherah : Maktabah Wahbah, 1994, m.s. 38-45.

kerana syarikat terbahagi kepada *mufāwadah*, *inān*, *abdān* dan *wujūh*.<sup>57</sup> *Musyārakah* atau *syirkah* ialah perkongsian 2 orang atau lebih untuk menjalankan perniagaan samada bersama-sama berkongsi modal atau tenaga. Ia merupakan percampuran di antara 2 orang rakan kongsi di mana pembahagian keuntungan dibuat samada 1/2 atau 1/3.<sup>58</sup> Ringkasnya, mereka bersama-sama memikul pembiayaan, keusahawanan dan pengurusan walaupun tanggungan mereka tidak sama rata. Mereka juga berkongsi keuntungan dan kerugian mengikut modal mereka di dalam pembiayaan tersebut.<sup>59</sup>

### (b)ii. Dalil Keharusan *Musyārakah*

#### a. al-Quran

Dalil keharusan *Musyārakah* didapati di dalam al-Quran secara tidak langsung. Ia dapat dilihat di dalam surah al-Nisa' (4) ayat 12 :

فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرُ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شَرَكَاءٌ فِي الْتُّلُثِ...  
...if they are more than three, they are partners in the third...

“...maka jika lebih daripada seorang, maka mereka berkongsi pada satu pertiga...”

---

<sup>56</sup> M. Umer Chapra, *op. cit.*, m. s. 165.

<sup>57</sup> <sup>57</sup> <sup>57</sup> Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arbā‘ah*, j. 3, Kaherah : al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1983, m. s. 63. Perkongsian terbahagi 2, perkongsian perolehan, iaitu perkongsian atas sesuatu tanpa akad dan perkongsian dengan akad. Pembahagian ini terletak di bawah perkongsian akad dan mengikut pendapat ulama Mesir, Maliki dan Syafi‘e.; <sup>58</sup> Abd al-‘Azīz al-Kayyāt, *al-Syarīkah fī Syarīkah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn al-Wadī*, j. 2, Jordan : TP, 1971, m.s. 21-49.

<sup>58</sup> Ibn al-Manzūr, *al-Lisān al-‘Arab*, j. 10, Beirut : Dār Ṣādir, 1990, m.s. 448-449.

<sup>59</sup> Saad al-Harran, *Leading Issues In Islamic Banking and Finance*, Selangor : Pelanduk Publications, 1995, m. s. 2.

## b. Sunnah

Daripada Sunnah terdapat hadith *Qudsi* yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah (r.a.) bahawa Rasulullah s.a.w. meriwayatkan yang bermaksud:

أَنَا ثَالِثُ الشَّرِيكَيْنَ

مَا لَمْ يَحْنُ أَحَدُهُمَا صَاحِبٌ فَإِذَا خَانَ حَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا<sup>60</sup>

“Aku adalah orang ketiga bersama-sama dengan rakan kongsi, selama masing-masing mereka tidak mengkhianati yang lain. Jika salah seorang mengkhianati yang lain maka aku meninggalkan (khiyar) mereka berdua”.

## c. Ijma'

Selain itu terdapat juga sokongan daripada golongan musliman yang telah bersepakat tentang keharusan *Musyārakah* secara keseluruhannya. Persepakatan ini diakui walaupun terdapat perbezaan pendapat di dalam beberapa elemen di dalamnya.<sup>61</sup>

Di dalam konteks sistem perbankan, pelanggan juga akan menerima peratusan dari keuntungan dengan asas yang sama seperti bank iaitu peratusan yang mengambil kira pulangan semula pelaburan pokok dan juga keuntungan.

<sup>60</sup> Abū Dāud Sulaimān Ibn al-Ash̄'āth al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāud*, “Kitāb al-Buyūc, Bāb fī Syirkah”, no. hadith 3383, j. 3, TTP : Dār Iḥyā’ al-Sunnah al-Nabawiyah, t.t., m.s. 256.; Zaki al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd al-Qawā al-Mudhīrī, *Targhib wa al-Tarhib*, no. hadith 2673, Juzu’ 3, Beirut : Dār Ibn Kathīr, 1993, m.s. 577. Lihat hadith-hadith lain yang seerti dalam Muḥammad Ibn Yazīd Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, “Kitāb al-Tijārat, Bāb al-Syirkah wa al-Muḍārabah”, no. hadith 2287, Juzu’ 2, Beirut : Maktabah al-‘Ilmiyyah, t.t., m.s. 768.

<sup>61</sup> Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, Juzu’ 5, Beirut : Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1972, m.s. 109.

Di antara bentuk *Musyārakah* yang terdapat di dalam sistem ekonomi sekarang ini ialah:<sup>62</sup>

1. Perkongsian yang biasanya dikawal oleh kerajaan dan amalan-amalan perniagaan yang berdasarkan kebiasaan perniagaan masyarakat.
2. Syarikat Berhad di mana ia dikawal dengan ketat sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan. Aktiviti-aktiviti perniagaannya juga sesetengahnya berdasarkan *urf*.
3. Koperasi yang juga dikawal oleh kerajaan dan aktivitinya adalah berdasarkan amalan masyarakat.

Sama seperti di dalam *Mudārabah*, *Musyārakah* juga mempunyai konsep *al-wakālah*, di mana pelanggan mewakilkan kepada bank dan bank pula mewakilkan kepada pengusaha untuk menjalankan projek berkenaan bagi pihak dirinya dan pendeposit. Ia boleh dilakukan di antara individu atau badan tertentu. Wakil dan pemberi wakil mestilah memenuhi syarat wakil dan pemberi wakil agar projek yang dijalankan tidak terbengkalai.

#### **1.5.2(b) Pembiayaan Hutang**

Pembiayaan hutang ini merupakan jual beli dengan harga tertangguh yang berasaskan beberapa konsep seperti BBA, *al-Murābahah*, *al-Ijārah* dan *Bay*<sup>c</sup> *al-Salām*. Namun kertas kerja ini hanya membincangkan tentang BBA dan *al-Murābahah* sahaja sebagai perbandingan dengan *Mudārabah* dan *Musyārakah*.

---

<sup>62</sup> Saad al-Harran, *op cit.*, m. s. 5.

(a).i. *al-Murābahah*

Konsep ini merujuk kepada jualan dengan keuntungan iaitu menjual sesuatu barang dengan harga yang serupa dengan harga yang pertama tetapi ditambah dengan keuntungan.<sup>63</sup> Mengikut al-Zarqā', jual beli ini membolehkan penjual menjual pada harga yang lebih tinggi.<sup>64</sup> Pembiayaan yang menggunakan konsep ini ialah pembiayaan modal kerja. Jualan barang ini mempunyai 2 elemen iaitu kos asal barang dan juga tambahan untung untuk bank. Terdapat beberapa syarat khusus untuk jual beli ini iaitu:<sup>65</sup>

1. Penjual hendaklah menyatakan kos/modal yang sebenar bagi barang yang hendak dijual.
2. Kadar keuntungan yang ditetapkan sebagai tambahan kepada kos/modal dan harga belian hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.
3. Akad *fasakh* dibenarkan sekiranya terdapat kekeliruan atau kekecohan di dalam menerangkan kadar modal /kos barang.
4. Kos pembelian tidak mempunyai unsur riba. Maka tidak boleh ada riba pada harga pertama.
5. Akad pertama adalah sah dan jika fasid, maka tidak harus julan secara *al-Murābahah*.

Daripada sudut perbankan, pembeli akan meminta bank membelikan barang yang dikehendaki. Bank kemudian menjual

---

<sup>63</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 5, Damsyiq : Dār al-Fikr, 1989, m.s. 703.

<sup>64</sup> Muṣṭafā Kamal al-Zarqā', *al-‘Uqūd al-Musammāt fī al-‘Aqd al-Islāmī*, t.t., Damascus : Matba‘ah al-Jāmi‘ah al-Suriyyah, m.s. 64-68.

barang itu kepada pembeli dengan tambahan untung dan bayaran dibuat mengikut tempoh yang dipersetujui samada secara ansuran atau sekaligus. Di dalam hal ini bank bertindak sebagai entiti perniagaan biasa yang mengambil keuntungan di dalam jualan.

**(a)ii. Dalil Keharusan *al-Murābahah*.**

Tidak terdapat satu nas yang secara jelas menyatakan keharusan prinsip ini. Walaupun begitu, ulama telah bersepakat bahawa jual beli itu terbahagi dua iaitu *Musāwamah* dan *Murābahah*. Maksud *Murābahah* di sini ialah penjual menyatakan kepada pembeli harga barang dan disyaratkan untuk mengambil keuntungan selain emas dan perak.<sup>65</sup> Imam Malik juga mengakui jual beli sedemikian dalam kitabnya *al-Muwatta'*.<sup>66</sup>

Jual-beli *al-Murābahah* secara logiknya tidak melanggar nilai-nilai Islam. Ini kerana tujuan jual beli ini adalah untuk mengelakkan riba selain dapat mengelakkan penganiayaan dan ketidakadilan yang mungkin berlaku kepada pembeli kerana ketiadaan pengetahuan yang cukup tentang harga barang. Selain itu, melihat kepada perubahan zaman dan keadaan, ia memenuhi keperluan manusia di dalam berurusniaga kerana memberi kemudahan pembiayaan bagi mereka yang tidak mampu dan mereka membayarnya semula secara ansuran atau sekaligus.

---

<sup>65</sup> Muhammad Ṣalaḥ Muḥammad al-Ṣāwī, *op cit.*, m.s. 206.; *Ibid.*, m.s. 704-706.

<sup>66</sup> Ibn Rusd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtaṣid*, j. 2, t.t., Kaherah : Maktabah al-Kuliyyah al-Miṣriyyah, m.s. 321.

(b)i. *Bay<sup>c</sup> bi Thaman Ājil* (BBA)

BBA adalah gabungan daripada tiga perkataan iaitu *bay<sup>c</sup>*, *thaman* dan *ājil*. *Bay<sup>c</sup>* diertikan sebagai pertukaran sesuatu harta dengan harta lain melalui cara-cara yang tertentu. Ia boleh berlaku samada pertukaran berbentuk barang atau pemilikan dengan persetujuan kedua-dua pihak dan melalui cara yang diizinkan syara<sup>c</sup>.<sup>68</sup> *Thaman* pula mengikut *al-Qāmūs al-Islām* adalah suatu nilai tetap yang dipersetujui bersama di antara dua pihak pada sesuatu barang ketika berlaku jual beli. Pengetahuan dan persetujuan tentang nilai atau harga itu merupakan syarat untuk sah jual beli berkenaan.<sup>69</sup> Manakala *ājil* pula ditakrifkan sebagai suatu masa yang tertentu di mana ia berasal daripada perkataan *ajala*.<sup>70</sup>

Gabungan daripada ketiga-tiganya, BBA boleh diertikan sebagai pertukaran atau jualan sesuatu barang dengan sesuatu nilai atau harga tertentu secara bertangguh bayaran ke suatu masa tertentu. Konsep ini juga dikenali sebagai *Bay<sup>c</sup> al- Mu<sup>c</sup>ajjal* iaitu jualan bayaran tertangguh yang digunakan di dalam pembiayaan perumahan atau kenderaan. Konsep ini menyamai konsep *Murabahah* di mana pelanggan boleh menangguhkan pembayaran di atas pembelian sesuatu barang sehingga ke suatu masa yang ditetapkan atau dengan bayaran secara ansuran.

---

<sup>67</sup> al-Suyūṭī, *op cit.*, m.s. 77.

<sup>68</sup> al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, Kaherah : Dār al-Fath li al-‘lām al-‘Arabi, 1994, m.s. 147.

<sup>69</sup> Ahmad Athiatullah, *al-Qāmūs al-Islām*, j. 1, Kaherah : Maktabah al-Nahdah al-Miṣriyyah, 1963, m.s. 542.

<sup>70</sup> *Ibid.*

(b)ii. **Dalil Keharusan BBA**

a. **al-Quran**

Tidak terdapat nas yang menyebut secara langsung kaharusan jual beli ini di dalam al-Quran. Walaupun begitu, fuqaha Islam telah bersepakat tentang keharusannya berdasarkan kepada nas al-Quran yang umum.

*"Allah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba..."*

Surah al-Baqarah (2) : 282.

Ayat di atas adalah ayat umum yang mengharuskan sebarang jual beli asalkan berada di dalam lingkungan syara<sup>c</sup>. Oleh sebab ini, BBA juga diharuskan kerana bentuknya yang masih di dalam lingkungan yang diharuskan. Tambahan pula, peredaran zaman memerlukan kepada jual beli sedemikian yang tidak terdapat keperluannya pada zaman Rasulullah s.a.w. menyebabkan ulama Muta'akhirin mengharuskan akad ini.<sup>71</sup> Bahkan ayat di dalam surah al-Baqarah ayat 282 juga secara tidak langsung membentangkan BBA kerana membincangkan tentang hutang.

b. **Sunnah**

Keharusan BBA ini juga terdapat di dalam Sunnah Rasulullah secara tidak langsung. Ini kerana BBA adalah satu bentuk jual beli secara hutang dan perkara tentang hutang telah

---

<sup>71</sup> Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999, m.s. 418.

dinyatakan sejak zaman Rasulullah. Bahkan Sunnah Nabi yang bermaksud :

*"tiga perkara terdapat padanya berkat iaitu jualan tertangguh, Muqāradah dan percampuran gandum dan barli untuk makanan bukan jualan"*

menunjukkan secara tidak langsung tentang BBA.

Satu riwayat lain daripada Aisyah menyatakan bahawa Nabi membeli makanan daripada seorang Yahudi dengan bayaran tertangguh ke suatu masa yang tertentu. Baginda telah mencagarkan baju besinya sebagai jaminan untuk bayaran berkenaan.<sup>72</sup> Ini menunjukkan bahawa konsep BBA telah ada sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi, hanya apabila ia diubahsuai untuk diperaktikkan pada masa kini, ia diberikan satu nama baru tetapi masih lagi mengekalkan konsep yang sama.

Mengikut Dr. Sobri Salamon, BBA adalah perjanjian jual beli barang tertentu daripada pemilik kepada pembeli dengan serta merta tetapi pembeli menangguhkan pembayaran kepada suatu masa tertentu atau membuat bayaran secara ansuran.<sup>73</sup> Pembiayaan ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pembeli yang tidak mampu membayar secara tunai. Di Malaysia, prinsip ini banyak digunakan untuk membiayai perumahan dan kenderaan. Bank pada dasarnya boleh menentukan harga yang lebih tinggi dengan syarat harga itu dipersetujui oleh pembeli

<sup>72</sup> Muḥammad Ibnu Ismā‘il Abū ‘Abdullāh al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, “Kitāb al-Rahn, Bāb man Rahana Dir‘ahu”, juzu’ 3, Istanbul : al-Maktabah al-Islāmiyyah, t.t., m.s. 115.; Hadith lain riwayat Ibnu ‘Abbās dalam Muḥammad Ibnu ‘Isā, *op cit.*, “Abwāb al-Buyū‘”, no. hadith 1232, m.s. 344.; al-Qazwīnī, *op cit.*, “Kitāb al-Rahn”, no. hadith 2436, m.s. 815.; Muḥammad Ibnu ‘Alī Ibnu Muḥammad al-Shawkānī, *Nayl al-Awīrā : Sharḥ Muntaqā al-Akhbār min Ahādīth Sayyid al-Akhbār*, “Kitāb al-Rahn”, juzu’ 5, Mesir : Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t., m.s. 263.

bersama dengan tempoh dan jumlah bayaran dipersetujui.<sup>74</sup> Contohnya, pelanggan membeli rumah daripada pihak bank dengan harga tertangguh sebanyak RM180,000 dalam masa 15 tahun yang mana pihak bank membeli daripada pemaju perumahan sebanyak RM100,000. RM80,000 merupakan margin keuntungan bagi pihak bank. Oleh itu, jangkamasa pembiayaan ini lebih panjang daripada *al-Murābahah* iaitu biasanya melebihi 12 tahun.<sup>75</sup>

Selain itu terdapat kontrak lain di bawah pelaburan hutang seperti *al-Ijārah* dan *Bay<sup>c</sup> al-Sālam*. Namun sama seperti *al-Murābahah* dan BBA, ia lebih merupakan kepada kontrak pertukaran dan bukan pelaburan secara khusus. Maka perbincangan secara lanjut tentang prinsip berkenaan adalah tidak perlu.

Oleh itu apa yang penting di dalam membincangkan tentang pelaburan di dalam Islam adalah ia menitikberatkan kepada perkongsian untung dan rugi. Kaedah ini merupakan kaedah yang adil yang tidak tertakluk kepada pergerakan faedah yang tidak menentu, bahkan bergantung kepada kejayaan sesuatu projek yang diusahakan secara bersama.

---

<sup>73</sup> Sobri Salamon, *Ekonomi Islam : Pengenalan, Sistem dan Kemungkinan*, Selangor : Rahmaniah, 1989, m.s. 38.

<sup>74</sup> Muhammad Kamal Azahari, *Bank Islam: Teori dan Praktik*, Selangor : Dewan Pustaka Fajar, 1993, m.s. 90.

## **1.6 PERBANDINGAN DI ANTARA PELABURAN KONVENTSIONAL DAN ISLAM**

Daripada penjelasan yang terdapat di atas didapati terdapat beberapa perbezaan di antara pelaburan mengikut pandangan Konvensional dan Islam.

Berikut disenaraikan beberapa perbezaan yang diperolehi :

### **1. Kadar Faedah**

Kadar faedah ataupun lebih dikenali sebagai bunga di dalam bank Konvensional merupakan riba di dalam sistem ekonomi Islam. Pada asasnya kedua-dua sistem ini memberikan kadar faedah bagi pelanggan yang menyimpan wang di dalam institusi berkenaan sebagai salah satu cara menarik lebih ramai pelanggan. Namun apa yang membezakannya ialah samada kadar faedah itu tetap atau tidak. Ini dijelaskan di dalam firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفًا  
وَأَنْقُوا اللَّهَ عَلَيْكُمْ نُفُولًا.

*"Wahai orang-orang beriman! Janganlah kamu memakan riba yang berlipat ganda, dan bertaqwalah kepada Allah, semoga kamu mendapat keuntungan/ kebahagiaan"*

Surah al-`Imran (2) : 130.

Kadar faedah yang terdapat di dalam perbankan Konvensional menetapkan kadar bunga yang tetap tanpa mengambil kira bank tersebut mengalami keuntungan ataupun kerugian. Ini boleh dilihat di dalam akaun tabungan, samada dalam bentuk sijil deposit dan bon-bon, faedah awalan,

---

<sup>75</sup> Sudin Haron, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996, m.s. 241.

faedah terapung, saham boleh tukar, samada di dalam mata wang yang tertentu atau kesatuan mata wang.<sup>76</sup>

Bunga di dalam sistem Konvensional adalah sesuatu yang pasti dan hampir mustahil untuk dihapuskan kerana berperanan besar di dalam meningkatkan ekonomi samada makro atau mikro. Ini kerana penghapusannya akan menghapuskan pengumpulan modal dan ia akan menjelaskan ekonomi negara.<sup>77</sup> Ini diakui oleh Ozay Mehmet<sup>78</sup> yang menyatakan bahawa penghapusan bunga akan menyebabkan penyimpanan penyimpan tidak lagi memberikan simpanan mereka kepada pelabur kerana diketahui tiada pulangan bunga yang menguntungkan. walaupun pelaburan itu dibuat dengan simpanan sendiri, apa yang diharapkan daripada pelaburan tersebut adalah bunga yang diketahui. Ketiadaan bunga menyebabkan simpanan menjadi kosong kerana ketidaan insentif untuk menyimpan. Dengan adanya kadar bunga, ia mendorong kepada penyimpanan dan hasilnya agregat simpanan akan meningkat.

Manakala di dalam sistem perbankan Islam, kadar faedahnya berubah berdasarkan keuntungan atau kerugian yang diperolehi oleh bank. Di dalam Islam kadar faedah adalah lebih berbentuk pemberian bonus di atas keuntungan yang didapati ataupun nisbah keuntungan yang telah

---

<sup>76</sup> Gamal Attia, "Financial Instrument Used By Islamic Banks", *Islamic Banking and Finance*, London : Butterworths, 1986, m. s. 110-111.

<sup>77</sup> Ab. Mumin Abdul Ghani, "Bunga dan kaitannya dengan riba yang diharamkan", *Jurnal Syariah*, j. 1, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, m.s. 280.

<sup>78</sup> Ozay Mehmet, *Islamic Identity and Development : Studies of Islamic Periphery*, Kuala Lumpur : Forum, 1990, m.s. 79-80.

dipersetujui. Memetik kata-kata Pengarah dan Naib Presiden Overseas Chinese Banking Corporation (OCBC), beliau berkata :

*"Konsep pengagihan keuntungan dalam urusan STPF boleh menarik minat masyarakat bukan Islam menyertai STPF kerana konsep ini telah diamalkan dalam urusan perniagaan mereka"*<sup>79</sup>

## **2. Kawalan Pelaburan**

Biasanya tumpuan pelaburan adalah jaminan bahawa pinjaman dan faedahnya dapat dikutip tanpa mengambil kira halal haramnya. Apa yang menjadi pertimbangan pihak bank ialah keuntungan yang akan diperolehi memberi pulangan yang banyak dan kurang memberi tumpuan kepada projek yang berbentuk kebijakan masyarakat umumnya.

Di dalam Islam, projek di mana wang yang hendak dilaburkan mestilah halal iaitu tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah seperti kilang arak, tempat perjudian dan lain-lain yang bergantung kepada suasana projek dan kejujuran pelaburan itu sendiri.

## **3. Kebajikan Masyarakat**

Kajian projek di dalam sistem perbankan Islam ditumpukan kepada penentuan keadaannya yang menguntungkan di mana semua kegiatannya memberi perhatian kepada kebijakan masyarakat seperti pinjaman kebijakan di bawah konsep *al-Qard al-Hasan*. Semua sumber disalurkan kepada khidmat masyarakat tanpa diskriminasi di mana untung yang dibuat sentiasa mengambil kira kebijakan masyarakat. Manakala di dalam

sistem Konvensional, ia lebih ditumpukan kepada projek yang boleh mendatangkan keuntungan yang mampu untuk menampung pinjaman beserta dengan faedahnya tanpa mengira kebajikan masyarakat.<sup>80</sup>

#### 4. Simpanan

Simpanan di dalam perbankan Islam bermaksud tabungan pelaburan di mana perhatian diberikan kepada orang kaya dan orang biasa bagi membolehkan mereka sama-sama terlibat di dalam pelaburan yang menguntungkan. Di dalam sistem perbankan Konvensional, ia diertikan sebagai lebihan penggunaan di mana perhatian ditumpukan kepada orang kaya bagi membolehkan institusi kewangan mengumpulkan dana bagi menjalankan kegiatan urusniaga yang membolehkannya mengaut keuntungan. Ia memberikan perbezaan yang jelas di antara pelaburan Islam dan Konvensional.

Maka di atas sebab-sebab yang demikian, pelaburan berdasarkan *Mudārabah* dan *Musyārakah* patut mendapat perhatian yang sewajarnya dan tidak hanya bergantung kepada prinsip-prinsip lain seperti *al-Murābahah* dan BBA di mana mengikut sesetengah sarjana prinsip berkenaan adalah cara mendapatkan keuntungan tetap atau riba melalui pintu belakang. Tambahan pula, prinsip berkenaan hanya lebih memberatkan kepada mendapatkan keuntungan dan kurang menumpukan kepada masalah sosio-ekonomi masyarakat secara keseluruhan.<sup>81</sup>

---

<sup>79</sup> Zailani Yaakob, "SPTF Semakin Meluas", *Dewan Ekonomi*, Julai 1995, m.s. 68.

<sup>80</sup> Ab. Rashid bin Haji Dail, *Bank Islam*, Selangor : Pustaka Rashfa dan Anak-Anak Sdn. Bhd., 1994, m. s. 70-71.

## **1.7 KESIMPULAN**

Pelaburan merupakan penanaman wang atau modal dalam sesuatu usaha niaga atau sebagainya yang dilakukan dengan harapan akan mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda. Apa yang membezakannya adalah pelaburan dalam Islam mempunyai unsur-unsur keagamaan seperti pembayaran zakat dan keuntungan yang diperolehi tidak setakat peningkatan daripada segi modal tetapi juga meninggikan kebajikan sosial dan nilai kemanusiaan itu sendiri. Oleh itu, pelaburan berbentuk *Mudārabah* dan *Musyārakah* adalah amat digalakkan kerana pelaburannya adalah lebih menyeluruh berbanding dengan Konvensional yang bersifat material semata-mata.

---

<sup>81</sup> Saad Harran, *op cit.*, m.s. 85.